

KAEDAH PENGAJARAN TILAWAH DAN HAFAZAN AL-QURAN

Oleh : Mohd Zainul Arifien bin Mohd Jaid (Fakulti Pendidikan UKM)

Pendahuluan

Kepentingan al-Quran al-Karim dalam kehidupan umat Islam tidak dapat dinafikan. Ini adalah kerana al-Quran itu merupakan sebuah kitab panduan dan pegangan hidup yang memandu manusia ke arah mentauhidkan Allah S.W.T.. Al-Quran yang merupakan sumber utama ajaran Islam mengandungi segala hukum-hakam serta perkara-perkara yang berkaitan dengan aqidah, syariah dan akhlak. Setiap muslim yang beriman kepada kitab al-Quran hendaklah mempunyai kemampuan untuk membaca al-Quran tersebut selain dari berusaha untuk memahami dan menghayati kandungannya.

Masalah penguasaan dalam bacaan al-Quran dalam kalangan murid sekolah di negara ini adalah satu realiti. Ini berdasarkan kepada pengalaman penulis ketika menjadi guru dan juga pegawai yang bertanggungjawab dalam tilawah al-Quran. Seperti yang dipetik oleh Misnan Jemali (2005), terdapat banyak kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan pembelajaran al-Quran di negara ini seperti Azman Wan Chik (1986), Norkamaliah Mohamad (1987), Madihah Haji Mohamad (1992), Maimunah Ismail (1995) dan Mohd Aderi Che Noh (2004). Pengkaji-pengkaji tersebut mendapati masih ramai murid yang lemah dalam aspek tilawah, lemah dalam aspek tajwid, lemah dalam aspek Makhraj huruf, bahkan terdapat juga murid yang gagal membaca potongan ayat yang pendek (buta al-Quran). Kajian mereka juga mendapati antara faktor yang menyebabkan pencapaian murid lemah dalam Tilawah al-Quran adalah disebabkan oleh penggunaan kaedah dan teknik yang kurang berkesan dalam proses pengajaran yang diamalkan oleh guru.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan beberapa program dalam mengatasi masalah kelemahan menguasai bacaan al-Quran khususnya di kalangan murid-murid di sekolah rendah. Antara langkah terbaru pihak kementerian ialah

memperkenalkan program j-QAF yang antara lain tujuannya untuk membolehkan semua pelajar muslim khatam bacaan al-Quran sebelum mereka melangkah ke sekolah menengah.

Terdapat banyak faktor yang perlu diambil kira dalam melaksanakan pengajaran al-Quran kepada murid. Faktor yang paling penting ialah pendekatan dan kaedah pengajaran yang sesuai digunakan dalam melaksanakan pengajaran al-Quran. Kaedah yang sesuai dan berkesan akan mempercepatkan proses pembelajaran yang akan membantu murid menguasai bacaan al-Quran.

Adab-adab Dalam mengajar dan Mempelajari al-Quran

Perbincangan tentang kaedah pengajaran al-Quran tidak lengkap tanpa membicarakan tentang adab-adab mengajar dan mempelajari al-Quran. Adab tersebut sangat penting kerana ia mempunyai kaitan dengan keberkesanan dan keberkatan dalam mempelajari al-Quran. Kegagalan dalam melaksanakan adab-adab mempelajari al-Quran menjadi salah satu daripada punca kepada kegagalan umat Islam dalam menguasai bacaan al-Quran. Sebab itu terdapat ramai ulama' yang menulis tentang perkara tersebut. Umpamanya al-Imam an-Nawawi rahimahullah (1992) telah menyusun sebuah buku berjudul *al-Tibyan Fi Adab Hamalat al-Qur'an* (التبيان في آداب حملة القرآن) dalam membicarakan tentang adab-adab yang perlu diambil berat dalam mengajar dan mempelajari al-Quran dan Abdullah al-Qari bin Salleh (1972). Antara adab-adab yang dijelaskan oleh mereka ialah;

1. Hendaklah memasang niat mengajar dan mempelajari al-Quran semata-mata kerana mencari keredhaan Allah SWT.
2. Hendaklah mengelakkan diri dari mencari pengaruh atau kemasyhuran dalam mengajar atau mempelajari al-Quran.
3. Hendaklah sentiasa membiasakan diri dengan amalan dan budi pekerti yang mulia sesuai dengan kedudukan al-Quran. Antara amalan yang dianjurkan ialah amalan

seperti menggunting misai, memotong kuku, menguruskan janggut, membersihkan diri dari dari kekotoran dan bau yang tidak menyenangkan dan tidak memakai pakaian yang tidak senonoh.

4. Hendaklah guru menyambut baik orang yang hendak mempelajari al-Quran dengannya.
5. Hendaklah guru sentiasa membari nasihat-nasihat yang baik serta memberi dorongan dan motivasi kepada muridnya
6. Guru dan murid hendaklah sentiasa mengamalkan sifat suka merendah diri. Mereka juga hendaklah saling berlemah-lembut antara satu sama lain.
7. Guru hendaklah juga mendidik murid-muridnya dengan adab-adab yang terpuji. Mereka yang mengamalkan adab-adab yang terpuji akan mempunyai hati yang bersih dan mudah menerima ilmu yang disampaikan oleh guru kepadanya.
8. Guru hendaklah mempunyai sifat berdedikasi dalam pengajarannya. Umpamanya mengosongkan fikirannya dengan perkara-perkara yang boleh mengganggu penumpuan. Di samping itu, guru juga hendaklah mengambil berat terhadap pencapaian muridnya dengan memastikan murid-murid membuat ulangkaji dan sebagainya.
9. Guru hendaklah memberi keutamaan kepada murid yang datang lebih awal kepadanya.
10. Guru tidak harus menolak orang yang ingin belajar dengannya meskipun orang tersebut mempunyai niat yang tidak baik atau belajar bukan kerana mencari keredhaan Allah.
11. Guru hendaklah seboleh-bolehnya mencari tempat yang lapang dan selesa dalam melaksanakan pengajaran.
12. Hendaklah membersihkan diri sebelum membaca al-Quran. Sebelum membaca al-Quran, seseorang itu hendaklah terlebih dahulu berwudu’.
13. Hendaklah membaca dalam keadaan menghadap ke arah kiblat.
14. Hendaklah menjauhkan perbuatan yang tidak senonoh seperti gelak ketawa, bergurau senda serta melihat sesuatu yang melalaikan.

Pendekatan Pengajaran al-Quran pada Zaman Rasulullah SAW

Menurut Abdul Halim al-Muhammady (1983), Rasulullah SAW, para Sahabat dan Tabi'in mengajar dan mempelajari al-Quran secara *talaqqi* dan *musyafahah* serta menyeluruh, meliputi aspek-aspek membaca, menulis, menghafaz, memahami dan mengamal. Kelima-lima aspek tersebut adalah merupakan pendekatan yang digunakan oleh Jibril A.S. dalam mengajarkan al-Quran kepada Rasulullah SAW. Berdasarkan kepada pengalaman Rasulullah SAW tersebut, maka proses pembelajaran al-Quran hendaklah secara *talaqqi dan musyafahah*, iaitu secara berdepan dengan guru, di mana guru akan memperdengarkan bacaan, mendengar bacaan muridnya di samping memperbetulkan bacaan murid sekiranya terdapat kesalahan.

1. Pendekatan Membaca

Pada peringkat awal al-Quran diturunkan, aspek bacaan dan penghafazan sangat dititik beratkan. Ini adalah disebabkan pada masa tersebut, kemampuan menulis di kalangan umat Islam adalah terhad. Jibril AS yang diperintahkan Allah SWT untuk menyampaikan al-Quran kepada Rasulullah SAW telah mengajar baginda membaca al-Quran tersebut secara *musyafahah*. Kaedah musyafahah adalah satu pendekatan di mana Jibril membaca terlebih dahulu. Bacaan itu diulang-ulang oleh Malaikat Jibril sebanyak tiga kali, kemudian barulah diikuti oleh Rasulullah. Ini diperintahkan Allah melalui firmanNya;

فَإِذَا قَرَأَهُ فَأَتَّبِعْ قُرْآنَهُ¹

Maksudnya;

Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, Dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu

¹ Al-Qur'ān, Al-Qiyāmah 75:18

Di samping itu, Allah SWT juga mengingatkan Rasulullah SAW supaya tidak tergesa-gesa dan bergopoh-gapah dalam mempelajari al-Quran. Ini berikutan dengan keadaan Rasulullah ketika itu yang berada dalam keadaan tertekan disebabkan oleh situasi dan pengalaman baru yang dilalui oleh baginda. Keadaan ini telah menyebabkan baginda ”bergopoh-gapah” untuk cepat menangkap dan menghafaz apa yang dipelajarinya daripada Jibril, untuk disampaikan pula kepada umatnya. Lantaran itu Allah SWT telah mengingatkan baginda dengan firmanNya;

لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۚ

Maksudnya;

Janganlah Engkau (Wahai Muhammad) - kerana hendakkan cepat menghafaz Quran Yang diturunkan kepadamu - menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu).

Selain dari belajar membacanya, Rasulullah SAW juga menghafaz ayat-ayat yang disampaikan oleh Jibril AS kepada baginda.

2. Pendekatan Menghafaz

Sejarah menunjukkan bahawa selain dari kaedah membaca, pengajaran al-Quran kepada generasi awal umat Islam adalah melalui pendekatan menghafaz. Ini dapat dilihat melalui pendekatan yang digunakan oleh Jibril A.S. ketika mengajarkan al-Quran kepada Rasulullah SAW, beliau telah mengulang-ulang bacaan dan kemudiannya diikuti oleh Rasulullah SAW sehinggalah baginda dapat membaca dan menghafaz ayat tersebut. Dalam menggambarkan situasi ini, Allah SWT telah berfirman;

² Al-Qur’ān, Al-Qiyāmah 75:16

سُنِّقْرُكَ فَلَا تَنْسَى ۚ

Maksudnya;

Kami sentiasa menjadikan Engkau (Wahai Muhammad) dapat membaca (Al-Quran Yang diturunkan kepadamu - Dengan perantaraan Jibril), sehingga Engkau (menghafaznya dan) tidak lupa.

3. Pendekatan Menulis

Selain dari membaca dan menghafaz, Rasulullah SAW juga menyuruh para sahabat yang mampu menulis ketika itu supaya menulis ayat-ayat al-Quran yang dihafaz untuk kegunaan mereka sendiri ataupun untuk disimpan (Abdul Halim al-Muhammady. 1990). Aktiviti menulis ayat-ayat yang dibaca akan menguatkan lagi ingatan terhadap ayat-ayat yang dibaca dan dihafaz. Justeru itu terdapat beberapa mashaf al-Quran yang ditulis oleh para sahabat seperti mashaf Ibnu Mas'ud, Mashaf Uthmany dan sebagainya.

Kaedah-kaedah Pengajaran al-Quran di Malaysia.

Belajar membaca al-Quran sudah menjadi budaya dalam kehidupan umat Islam di negara ini. Pengajian al-Quran sudah wujud dalam masyarakat Islam di negara ini sejak kedatangan Islam lagi. Dalam proses mengajar dan belajar al-Quran, terdapat berbagai kaedah yang digunakan. Kaedah utama pengajaran al-Quran di Malaysia dan seluruh dunia Islam amnya ialah menggunakan kaedah Baghdadiyah. Namun, dewasa ini berbagai kaedah telah wujud dan berkembang seiring dengan perkembangan dalam bidang-bidang lain seperti sains dan teknologi.

³ Al-Qur'ān, Al-A'lā 87:6

1. Kaedah Baghdadiyah

Kaedah ini merupakan kaedah yang paling lama dan meluas digunakan di seluruh dunia. Ia dipercayai berasal dari Baghdad, ibu kota Iraq dan diperkenalkan di Malaysia seiring dengan kedatangan Islam ke Tanah Melayu sejak berabad yang lalu. Kaedah Baghdadiyah menggunakan sebuah buku yang dinamakan "Muqaddam" yang menjadi bahan utama pengajaran asas tilawah al-Quran. Kaedah ini menekankan kepada pengenalan huruf Hijaiyyah, baris dan ejaan.

Walaupun bagaimanapun, susunan surah-surah dalam kaedah ini adalah secara menyongsang atau terbalik, sedangkan dari segi adabnya membaca al-Quran hendaklah mengikut urutan surah. Namun sumbangan kaedah ini terhadap perkembangan pendidikan al-Quran di negara ini sangat banyak dan tidak boleh dinafikan.

2. Kaedah Qira'ati

Kaedah "Qiraati" yang bermaksud "Bacaanku" mula diperkenalkan pada tahun 1963 di Semarang, Indonesia oleh seorang guru al-Quran yang bernama Bapak Haji Dachlan Salim Zarkasyi. Pada mulanya terdiri dari sepuluh jilid buku untuk kanak-kanak berusia enam tahun ke atas. Kemudian dikemaskinikan menjadi lapan jilid, enam jilid dan akhirnya lima jilid. Kaedah ini bermula dengan memperkenalkan huruf Hijaiyyah hinggalah ke buku jilid lima untuk pelajaran yang lebih susah seperti bacaan huruf qalqalah dan sebagainya. Apabila selesai lima buah buku tersebut pelajar akan dilatih membaca juzuk ^oAmma dan seterusnya al-Quran muhaf rasm Othmani.

Kaedah ini sangat baik kerana membolehkan murid menguasai bacaan al-Quran dengan cepat. Bagaimanapun, ia kurang berkesan sekiranya jumlah murid dalam sesuatu kelas terlalu ramai menyebabkan guru tidak sempat memberi bimbingan berkesan ke atas setiap murid dalam sesuatu sesi pengajaran.

3. Kaedah Iqra'

Kaedah Iqra' atau cara cepat belajar al-Quran Rasm Uthmani. juga adalah berasal dari Indonesia iaitu mula diperkenalkan pada tahun 1984 di sebuah Taman Kanak-Kanak Al-Quran di Kota Gedo, Jogjakarta. Pengasas kaedah ini ialah Haji As^cad Humam yang telah menyusun enam jilid buku Iqra'. Buku-buku Iqra' sepertimana juga buku Qiraati disusun untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran al-Quran dari peringkat pengenalan huruf Hijaiyyah hinggalah menguasai tilawah al-Quran dengan baik dan mengikut hukum tajwid. Kaedah ini mengutamakan bimbingan dan latih tubi. Oleh kerana itulah setiap orang guru hanya akan membimbing lima atau enam orang murid sahaja bagi satu sesi pengajaran yang mengambil masa selama enam puluh minit. Kaedah Iqra' telah diterima dan digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (sekarang Kementerian Pelajaran Malaysia) pada tahun 1994 bagi pengajaran dan pembelajaran al-Quran di sekolah.

Seperti juga kaedah Qira'ati, kaedah ini sangat baik kerana membolehkan murid menguasai bacaan al-Quran dengan cepat. Bagaimanapun, ia kurang berkesan sekiranya jumlah murid dalam sesuatu kelas terlalu ramai menyebabkan guru tidak sempat memberi bimbingan berkesan ke atas setiap murid dalam sesuatu sesi pengajaran.

4. Kaedah Hattawiyah

Sementara kaedah Hattawiyah pula adalah satu kaedah membaca al-Quran dengan berpandukan tulisan rumi. Kaedah ini diperkenalkan bagi membantu pelajar yang terlalu lemah dalam tulisan jawi. Oleh kerana itu syarat utama untuk mengajar atau menggunakan kaedah ini ialah pelajar tersebut benar-benar buta al-Quran dan pelajar tersebut boleh membaca rumi. Kaedah ini dianggap sebagai sementara, langkah terakhir dan hanya untuk golongan tertentu sahaja bagi memastikan mereka tidak terus buta al-Quran.

Kaedah dan Pendekatan pengajaran al-Quran di Sekolah

Dalam sistem pendidikan negara, pendidikan al-Quran diwajibkan kepada semua murid beragama Islam bermula dari peringkat sekolah rendah hinggalah ke peringkat menengah. Dalam usaha untuk memastikan murid boleh membaca al-Quran, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil beberapa langkah. Umpamanya memperkenalkan kaedah Iqra' dan Hattawiyah bagi mempercepatkan pencapaian murid dalam bacaan al-Quran. Melalui program j-QAF yang diperkenalkan pada tahun 2005, murid bukan sahaja wajib mempelajari al-Quran, tetapi mereka juga dikehendaki khatam bacaan al-Quran sebelum mereka menjejakkan kaki ke peringkat menengah.

Kementerian pelajaran juga telah melatih guru supaya mereka menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan dalam pengajaran tilawah al-Quran dan hafazan. Justeru itu pihak kementerian telah menyarankan beberapa pendekatan dalam proses pengajaran Tilawah al-Quran kepada guru-guru Pendidikan Islam (GPI) untuk digunakan di dalam P&P (Wan Bakar Wan Dagang. 1990). Antaranya;

1. Pendekatan Mengenal

Pendekatan ini menekankan kepada proses mengenal huruf, mengenal baris, mengenal tanda-tanda bacaan serta mengenal hukum-hakam bacaan. Murid dikehendaki mengenal huruf-huruf hija'iyah tunggal dan bersambung melalui teknik sebut dan tulis secara berulang-berulang. Dalam hal ini bahan-bahan bantu Mengajar hendaklah diperbanyakkan, di samping penggunaan bahan media seperti kaset dan komputer. Setelah murid dapat menguasai atau mengenal huruf-huruf tunggal dan bersambung, mereka akan diperkenalkan pula dengan huruf-huruf dalam sesuatu kalimah

2. Pendekatan Mengeja dan Membunyi

Langkah seterusnya ialah memperkenalkan murid dengan tanda-tanda baris, mengeja mengikut tanda-tanda baris dan membunyikan huruf-huruf yang dieja. Tanda-tanda baris

yang diperkenalkan iaitu baris atas, baris bawah, baris depan, tanda mati, baris dua di atas, baris dua di bawah dan baris dua di depan dilakukan secara latih tubi. Proses ini dilakukan secara berterusan dan memakan masa yang panjang bagi memastikan murid-murid benar-benar dapat menguasai apa yang dipelajari. Proses mengeja dan membunyi ini hendaklah disempurnakan kepada murid-murid tahun satu

3. Pendekatan Membaca Kalimah dan Ayat yang Mudah

Murid yang telah mengenal huruf dan tanda baris seterusnya akan dikehendaki membaca kalimah atau ayat al-Quran yang mudah. Contohnya kalimah yang mempunyai tiga huruf serta tidak mempunyai tanda baris mati dan juga tanda sabdu. Proses ini dilaksanakan semasa murid berada di tahun dua. Setelah murid dapat menguasai, mereka akan mula dikehendaki membaca ayat-ayat al-Quran seperti yang telah ditetapkan di dalam Sukatan Pelajaran.

4. Pendekatan Menghafaz

Bagi membolehkan murid membaca dengan lancar, pendekatan menghafaz juga digunakan. Pendekatan ini boleh juga digunakan meskipun murid belum boleh membaca al-Quran. Namun di dalam Sukatan Pelajaran, memang terdapat ayat-ayat atau surah tertentu yang wajib dihafaz oleh murid-murid.

5. Pendekatan Menulis

Guru-guru di sekolah juga dianjurkan supaya menggunakan teknik menulis ayat-ayat atau kalimah al-Quran yang dibaca. Aktiviti membaca dan menulis dengan meletakkan tanda-tanda bacaan pada kalimah al-Quran merupakan penggabungjalinan dua kemahiran secara serentak. Ini boleh merangsang serta mengelakkan kejemuan di kalangan murid dalam mempelajari al-Quran. Di samping itu teknik tersebut akan mempercepatkan proses pencapaian murid serta membantu mereka menghafaz ayat-ayat yang diajar.

6. Pendekatan Membaca Mengikut Hukum Tajwid

Apabila murid berada pada Tahap 2 iaitu Tahun 4, 5 dan 6, mereka akan didedahkan pula bacaan mengikut hukum Tajwid. Namun begitu, penekanan kepada istilah tidak digalakkan pada peringkat ini. Memadai dengan memperkenalkan istilah panjang, pendek, bacaan wajib dengung dan sebagainya. Tetapi murid yang telah menguasai bacaan bolehlah didedahkan dengan istilah-istilah ilmu Tajwid seperti Izhar, Idgham, Ikhfa' dan sebagainya.

7. Pendekatan Memahami.

Al-Quran diturunkan bukan sahaja untuk dibaca, tetapi juga untuk difahami dan dihayati. Oleh yang demikian, adalah wajar, pada peringkat awal lagi murid-murid perlu diberi kefahaman terhadap apa yang mereka baca supaya apa yang dibaca itu memberi makna dan manfaat kepada mereka.

8. Pendekatan Membaca Secara Bertarannum.

Tarannum bermaksud kaedah melahirkan seni bunyi bacaan al-Quran dengan lebih sempurna dan lebih cantik yang sesuai dengan mukjizat al-Quran (Nik Jaafar Nik Ismail. 1998). Bertarannum sangat digalakkan kerana ini dapat memperindahkan lagi al-Quran (Mohd Ali Abu Bakar. 1991). Di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a., bahawasanya Rasulullah SAW telah bersabda;

Maksudnya;

⁴ Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhari : Min Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān (3490)

Allah tidak mengizinkan terhadap sesuatu sebagaimana yang diizinkan kepada Nabi SAW supaya berlagu ketika membaca al-Quran (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Bagi guru yang mempunyai kemampuan dalam aspek tarannum, pendekatan mengajar Tilawah al-Quran secara bertarannum boleh menarik minat murid dalam mempelajari al-Quran. Guru boleh mempelbagaikan lagu-lagu yang terdapat dalam tarannum.

Kaedah Pengajaran al-Quran.

Dalam memastikan keberkesanan pengajaran al-Quran kepada murid, selain dari pendekatan, kaedah dan teknik juga memainkan peranan yang sangat penting. Umpamanya kajian yang dibuat oleh Nasir B. Mohamad & Rubiyah Bt. Haron (1997) mendapati antara faktor kegagalan membaca al-Quran adalah disebabkan oleh faktor kaedah yang digunakan oleh guru dalam pengajaran al-Quran kurang berkesan.

Terdapat banyak kaedah dan teknik yang boleh digunakan oleh guru dalam melaksanakan pengajaran al-Quran (Wan Bakar Wan Dagang. 1990). Antaranya;

1. Kaedah Kelas (Class-Teaching)

Kaedah kelas sangat sesuai dalam pengajaran Tilawah al-Quran kerana murid boleh menumpukan perhatian dengan mendengar dan melihat cara guru membaca ayat-ayat al-Quran yang diajar. Namun begitu kaedah ini tidak boleh digunakan sepenuhnya ke atas murid kerana ini akan menyebabkan wujudnya sekumpulan murid yang tertinggal dan tidak dapat mengikuti pelajaran dengan sempurna.

2. Kaedah Kumpulan (Group-Teaching)

Kaedah kumpulan sangat sesuai dilaksanakan bersama kaedah kelas. Murid boleh dikelaskan kepada beberapa kumpulan mengikut kemampuan. Dalam program j-QAF,

kaedah ini dapat dilaksanakan dengan baik kerana terdapat lebih daripada seorang guru di dalam kelas untuk mengendalikan pembelajaran dalam kumpulan. Dengan cara ini juga, murid-murid yang berada dalam kumpulan lemah boleh diberi tumpuan dan latih tubi.

3. Kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (Peer-Teaching)

Di dalam kaedah kumpulan, murid-murid yang telah dikenal pasti mahir dan menguasai bacaan al-Quran boleh ditugaskan untuk membantu guru mengajar rakan-rakannya membaca al-Quran. Ini boleh menjimatkan masa dan dapat meningkatkan peluang setiap murid mendapat bimbingan.

Kaedah Pengajaran Hafazan al-Quran

Bidang hafazan al-Quran bermula semenjak penurunan ayat al-Quran yang pertama. Ketika Rasulullah S.A.W. berumur 40 tahun dan sedang beribadat di Gua Hira', Allah S.W.T. telah memerintahkan Jibrail A.S. untuk mengajarkan al-Quran kepada baginda. Ayat pertama yang dibaca adalah 'Iqra' yang diulang sebanyak tiga kali oleh Malaikat Jibrail A.S. dan kemudian dibaca kembali oleh baginda secara hafazan.

Proses turunnya al-Quran adalah secara berperingkat-peringkat, sedikit demi sedikit. Tentunya hal ini dapat membantu dan memudahkan Rasulullah S.A.W. untuk menyampaikannya kepada para sahabat, yang kemudiannya menghafaz dan memahami isi kandungannya. Kebiasaan tidak terburu-buru ini dikekalkan sehinggalah menjadi salah satu kaedah atau manhaj di dalam menghafaz al-Quran.

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, pengajaran al-Quran yang digunakan oleh Jibril a.s. ke atas Rasulullah S.A.W adalah secara sedikit demi sedikit. Teknik yang sama juga digunakan oleh Rasulullah SAW dalam mengajarkan al-Quran kepada para sahabat. Caranya dengan memperdengarkan bacaannya lalu diikuti oleh sahabat sebelum menghafaznya. Selain dari itu, baginda juga menyuruh beberapa orang sahabatnya yang pandai agar menulis ayat-ayat suci al-Quran yang hendak dihafaz di atas kepingan batu-

batu, tulang-tulang dan pelepah tamar. Rasulullah S.A.W. mengajarkan al-Quran kepada sahabat dengan cara *musyafahah dan talaqi* iaitu dengan membaca antara dua hingga sepuluh ayat menurut ayat-ayat yang diturunkan (Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah et al. 2003).

Setiap hari baginda Rasulullah S.A.W akan membaca al-Quran yang diterimanya pada malam hari sebelumnya serta menghuraikan maksudnya. Di samping itu, baginda menasihatkan sahabat-sahabatnya supaya menghafaz ayat-ayat yang telah dibacakan itu dan seterusnya mengamalkan perintahnya.

Sebaik sahaja para sahabat menerima pelajaran dari ayat atau surah, maka mereka mengulang-ngulang secara istiqamah sehingga sebati di dalam dada mereka pada malam harinya.

Pembelajaran secara hafazan dilakukan dengan guru membaca ayat-ayat al-Quran kepada pelajar (imla') dan pelajar menulisnya di atas 'luh' atau papan batu. Setelah itu, guru akan melihat tulisan pelajarannya dan membetulkan jika ada kesalahan. Seterusnya guru membacakannya sekali lagi diikuti dengan pelajar, kemudian pelajar akan pergi ke tempat lain dan membacanya sehingga hafaz. Apabila telah menghafaz ayat-ayat itu dengan fasih, pelajar akan datang semula kepada guru dan membaca di depan guru (tasmi^c). Jika ada kesalahan pada bacaan tersebut, guru akan membetulkannya dan jika tiada kesalahan, maka ayat-ayat itu akan dipadam dan ditulis ayat baru untuk dihafaz.

Daripada huraian yang dijelaskan di atas dapat disimpulkan bahawa kaedah yang boleh digunakan dalam pengajaran hafazan al-Quran adalah seperti berikut;

1. Mengulang-ulang bacaan ayat yang hendak dihafaz secara istiqamah
2. Menulis ayat-ayat yang hendak dibaca
3. Menghafaz ayat sedikit demi sedikit. Umpamanya menghafal lima ayat pada sesuatu masa sebagaimana nabi menerima lima ayat yang pertama dari Malakat Jibril a.s.
4. Memperdengarkan hafazan kepada guru (Tasmi^c)

Menurut Abu Mazaya al-Hafiz (2005) terdapat beberapa langkah dalam menghafaz al-Quran supaya lebih cepat dan berkesan. Antaranya;

1. Memilih waktu yang sesuai
2. Menghafaz satu ayat demi satu ayat. Kemudian ayat tersebut dibaca secara berulang-ulang sekurang-kurangnya sebanyak 20 kali.
3. Mengenalpasti ayat-ayat atau kalimah yang sukar dibaca, kemudiannya diulang-ulang sehingga 40 kali. Ini bertujuan untuk melembut serta membiasakan lidah menyebut kalimah-kalimah tersebut.
4. Memastikan ayat-ayat yang telah dihafaz pada hari sebelumnya diulang-ulang sekurang-kurang tiga kali sebelum memulakan hafazan pada ayat-ayat yang berikutnya. Selain itu ayat-ayat yang baru dihafaz hendaklah diulang-ulang sebanyak lima kali dalam tempoh 24 jam.

Cadangan dan Rumusan

Kejayaan generasi muda menguasai bacaan al-Quran tidak terletak kepada tanggungjawab guru semata-mata. Sehebat manapun kaedah dan teknik yang digunakan oleh guru tidak akan berjaya sekiranya ibu bapa tidak melibatkan diri dalam memberi penekanan pendidikan al-Quran terhadap anak-anak mereka. Ini adalah kerana masa ibu bapa bersama anak-anak lebih banyak berbanding dengan masa yang diperuntukkan bagi mempelajari al-Quran di sekolah.

Selain dari itu, guru dan juga mereka yang terlibat dalam mengajar al-Quran hendaklah berusaha menggunakan pelbagai kaedah dan juga bahan bantu mengajar yang sesuai. Pengajaran yang membosankan, ditambah dengan tarikan perkara-perkara lain seperti hiburan yang sememangnya menyeronokkan boleh menjauhkan lagi murid dengan al-Quran. Justeru itu pengajaran al-Quran hendaklah diusahakan supaya lebih menarik dan tidak membosankan.

Dalam usaha menanam minat generasi muda terhadap al-Quran, budaya membaca al-Quran hendaklah diwujudkan di pelbagai sektor samada swasta dan juga kerajaan. Umpamanya mengadakan aktiviti membaca al-Quran setiap pagi sebelum memulakan kerja di pejabat atau di sekolah. Aktiviti seperti ini hendaklah dilaksanakan secara berterusan dan konsisten serta tidak terhad pada bulan-bulan tertentu seperti bulan Ramadhan sahaja. Jika budaya ini dapat dihidupkan, mereka yang tidak boleh membaca al-Quran akan rasa diri mereka terpinggir dan aib. Ini boleh mendorong mereka berusaha mempelajari bacaan al-Quran.

Bibliografi

- Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah. 2003. *Keberkesanan Kaedah Hafazan di Pusat Tahfiz*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Abdullah al-Qari bin Haji Salleh. 1972. *Kursus Qari dan Qari'ah*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Abu Mazaya al-Hafiz. 2005. *Kaedah Mudah Dan Cepat Menghafaz al-Quran*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Abdul Halim El-Muhammady. 1983. *Membina Generasi Muslim*, Bangi: Ikatan Studi Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Halim El-Muhammady. 1987. Pendidikan al-Quran di Sekolah Rendah dan Menengah ke Arah Pembentukan Pandangan Hidup Muslim. *Jurnal Pendidikan Islam* 2(6): 29-43.
- Abdul Halim El-Muhammady. 1990. Al-Quran dan Pembelajarannya di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam* 3(3): 1-12
- Al-Imam an-Nawawi. 1992. *At-Tibyan Fi Adab Hamalai al-Qur'an*. Beirut : Dar al-Fikr al-Lubnani.
- Misnan Jamali. 2005. Tahap Penguasaan al-Quran di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Perak. Dlm. Kamarulzaman Abdul Ghani et al. (pnyt.). *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 4)*. Hlmn. 213 – 224. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak. 2005. Implikasi Konsep Kendiri Dan Persekitaran Dalam Menjana Generasi Pelajar Celik al-Quran. Dlm. Kamarulzaman Abdul Ghani et al. (pnyt.). *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 4)*. Hlmn. 193 – 202. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ali bin Abu Bakar. 1991. *Seni Lagu al-Quran di Malaysia*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Nasir B. Mohamad & Rubiyah Bt. Haron. 1997. *Tahap penguasaan bacaan al-quran di kalangan Guru pelatih bukan pengkhususan pengajian agama islam*. Alor Setar: Institut Perguruan Darul Aman.
- Nik Jaafar bin Nik Ismail. 1998. *Buku Qawa'id at-Tarannum: Cara Berlagu*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran, edisi kelapan, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal-Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987).

Wan Bakar Wan Dagang. 1990. Pengajaran dan Pendidikan al-Quran Dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Islam* 3(3): 21-31